

KERTAS 1: Tatabahasa

A. Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

1 Puan Haliza menceburi di dalam industri makanan sejuk beku sejak 15 tahun lalu.

- A menceburi industri
- B menceburi dalam industri
- C mencebur ke dalam industri
- D menceburi di dalam industri

2 Sekumpulan murid-murid sedang melawat ke kilang batik.

- A Sekumpulan-kumpulan murid
- B Sekumpulan murid
- C Murid-murid sekumpulan
- D Sekumpulan murid-murid

B. Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

1 Industri hospitaliti Malaysia harus dinaik taraf untuk menarik kedatangan pelancong.

- A Untuk menarik kedatangan pelancong ke Malaysia, industri hospitaliti harus dinaik taraf.
- B Kedatangan pelancong menyebabkan Malaysia harus menaik taraf industri hospitaliti.
- C Industri hospitaliti yang dinaik taraf akan menarik kedatangan pelancong Malaysia.
- D Malaysia harus menaik taraf kedatangan pelancong asing melalui industri hospitaliti.

C. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa-bangsa dapat hidup dengan harmoninya.

(ii) Toknologi hijau dapat moningkatkan kualiti alam sekitar.



- Objek selepas kata kerja transitif mesti diletakkan selepas kata kerja.
- Contoh:

X	menceburi di dalam bidang pertanian
✓	menceburi bidang pertanian
X	mengamalkan tentang kitar semula
✓	mengamalkan kitar semula

- Sesuatu kata nama tidak perlu diulang apabila kata bilangan yang mendahuluinya telah menunjukkan maksud jamak atau banyak.
- Contoh:

X	sekumpulan remaja-remaja
✓	sekumpulan remaja
X	pelbagai cadangan-cadangan
✓	pelbagai cadangan